

Persyarikatan Malaysia

PM jamin DEB tidak terjejas

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan akan menentukan supaya dasar-dasarnya, seperti Dasar Ekonomi Baru, tidak diketepikan oleh pelaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, di bawah konsep itu yang diasaskan dari konsep Persyarikatan Jepun, kerajaan tidak akan menggunakan cara-cara yang diamalkan oleh Jepun yang tidak sesuai dengan keadaan di negara ini sama ada dari segi kebudayaan atau sistem tempatan.

"Kita akan menggunakan cara yang sesuai dan mungkin kita akan membentuk cara kita sendiri.

"Yang penting dalam Persyarikatan Malaysia ini ialah kerjasama yang erat antara kerajaan dengan pihak swasta seolah-olah seluruh Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa

ini adalah sebuah syarikat yang bergerak untuk memajukan negara ini bagi kepentingan penduduk-penduduknya dalam peredaran antarabangsa, ataupun dalam pembangunan dalam negara," tegasnya dalam temubual rancangan *Ehwal Semasa* menerusi RTM malam ini.

Dalam penjelasannya yang panjang lebar mengenai konsep Persyarikatan Malaysia, beliau berkata, konsep itu adalah penting kerana kadangkala terda-

itu akan diambil oleh kerajaan sebagai hasil ataupun cukai. Kutipan inilah yang digunakan oleh kerajaan untuk membiayai pentadbirannya dan juga untuk membiayai segala perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan."

Kalau kita berusaha menentukan syarikat itu beruntung, ini juga bermakna kerajaan akan untung.

Sebaliknya, kalau syarikat itu rugi, kerajaan tidak dapat mengumpul cukai pendapatan, umpamanya, dan syarikat yang rugi dan bankrap akan menjadi beban kepada bank, akan menjadi beban kepada masyarakat dan sebagainya, dan sebahagian dari beban ini tentulah terpaksa dianggung oleh kerajaan, jelaanya.

"Inilah yang kita maksudkan sebagai konsep Persyarikatan Malaysia, iaitu kita bekerja seolah-olah kita menjadi sebahagian daripada syarikat kerana keuntungan syarikat itu adalah keuntungan kita juga," tegas Perdana Menteri.

Dalam melaksanakan konsep itu, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, apa yang perlu dibuat oleh sektor awam dan kementerian kerajaan ialah menentukan supaya segala proses birokrasi berjalan dengan lincis supaya perniagaan tidak terganggu.

Bellau menerangkan, apa yang dikehendaki oleh kerajaan ialah pegawai-pegawainya bekerja dengan cekap, pentadbiran yang lurus, yang tidak disekek oleh perasaan iri hati umpamanya, iaitu kalau kita meluluskan sesuatu, maka yang dapat keuntungan ialah mereka dan bukan kita. Perasaan itu mestilah diasingkirkan," kata beliau.

"Tu sahaja, dan ini bermakna pentadbiran yang cekap, pentadbiran yang lurus, yang tidak disekek oleh perasaan iri hati umpamanya, iaitu kalau kita meluluskan sesuatu, maka yang dapat keuntungan ialah mereka dan bukan kita. Perasaan itu mestilah diasingkirkan," kata beliau.

Perasaan

Bellau percaya jika konsep itu difahami oleh kakitangan awam, iaitu mereka akan mendapat faedah daripada kejayaan syarikat-syarikat swasta, masalah tidak akan timbul.

Katanya, apa yang perlu ialah tiap-tiap satu tugas atau kerja yang terpaksa dijalankan oleh setiap pegawai mestilah dijalankan secara yang lincis, seolah-olah tugas itu menguntungkan dirinya sendiri dan sebenarnya menguntungkan dirinya sendiri.

Perdana Menteri juga menjelaskan, penyerahan sebahagian daripada kegiatan kerajaan kepada pihak swasta tidak bermakna ia menjadi sebahagian daripada konsep Persyarikatan Malaysia.

TEKS PENUH TEMUBUAL di muka 10

pat sikap atau pendirian di kalangan kerajaan sendiri seolah-olah pihak swasta itu adalah musuh dan 'kita tidak perlu berusaha untuk menjayakan mereka kerana mereka bekerja semata-mata untuk keuntungan bagi diri mereka'.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dibilay melalui cukai dan hasil yang dikutipnya hampir semua datang daripada kegiatan perniagaan dan perusahaan.

"Jadi, ini bermakna walaupun syarikat itu bekerja untuk keuntungan mereka, tetapi sebahagian besar daripada keuntungan